

Muhammad Rasulullah *Ṣallā Allāhu ‘Alayhi wa Sallam*

Ayat-ayat KeNabiannya Di dalam “Injil Barnaba”¹

Sesungguhnya untuk menunjukkan kebenaran Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tidak perlu dikemukakan ayat-ayat petikan dari kitab-kitab agama yang terdahulu daripada *al-Qur’ān*, untuk dijadikan saksi, kerana *al-Qur’ān* sendiri telah cukup menjadi saksi dan bukti yang nyata tentang kebenaran Nabī Muḥammad (S.A.W.), dan *al-Qur’ān* juga telah menyatakan bahawa kedatangan Nabī Muḥammad yang menjadi Nabī dan Rasul bagi umat manusia seluruhnya telah tersebut di dalam kitab-kitab *Taurat* dan *Injil*. Hal ini diterangkan di dalam *al-Qur’ān* (maksudnya): “... orang-orang yang sama mengikut Rasul serta Nabī yang *Ummiyy* (Nabī Muḥammad), yang mereka mendapatinya tertulis pada sisi mereka di dalam *Taurat* dan *Injil*...” (156, Surah al-A‘rāf). Makalah ini hanya sebagai menambahkan pengetahuan jua.

Di dalam kitab-kitab *Taurat* dan *Injil*, yang kedua-duanya diakui oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani, ada didapati banyak ayat-ayat yang menunjukkan keNabiān Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*, tetapi di sini hanya penulis hendak memetik ayat-ayat yang tersebut di dalam “Injil Barnaba”, sekalipun Injil ini tidak diakui oleh ahli agama Kristian pada umumnya.

Injil Barnaba

Sebelum penulis memetik ayat-ayat yang mengenai Nabī Muḥammad (S.A.W.) yang tersebut di dalam Injil Barnaba ini, patut juga dijelaskan perihal Injil ini dan sejarahnya.

“Barnaba” ialah nama seorang sahabat atau *Ḥawāriyy*

(pembela Nabī ‘Īsā *‘alayhi al-salām*). “Injil Barnaba” ialah sebuah kitab *Injil* yang ditulis oleh “Barnaba” sendiri dari wasiat (kata pesanan) yang didengar dari Nabī ‘Īsā (A.S.). Isi Injil Barnaba itu jauh berlainan dari kitab-kitab *Injil* yang lain. Misalnya tentang ayat-ayat yang memberitakan akan datangnya Nabī Muḥammad (S.A.W.), lebih jelas keterangannya, dan ayat-ayat tentang peristiwa Nabī ‘Īsā disalib (dipalang) diterangkan bahawa yang kena salib itu bukanlah Nabī ‘Īsā tetapi seorang lain bernama Yahūdḥā.

Seyogianya diketahui bahawa Injil Barnaba itu ialah sebuah Injil tua yang ditulis pada kurun Masihi yang pertama. Meskipun tidak disebut-sebut orang tentang

¹ Injil Barnabas. Barangkali pengarang makalah ini mengeja Barnabas dengan cara sebutan ketika itu: Bar-Na-Bah (huruf S dihilangkan).

riwayatnya (tarikhnya). Injil Barnaba ini telah disembunyikan oleh ketua-ketua agama Nasrani, semenjak lama sebelum zahirnya Nabī Muḥammad (S.A.W.), kerana Injil ini isinya banyak bertentangan dengan Injil St. Paul (salah seorang sahabat Nabī ‘Īsā juga). Oleh itu, pengikut-pengikut St. Paul (kaum Nasrani – Kristian) tidak mahu mengakui kebenaran Injil Barnaba ini. Sepanjang riwayat, persidangan ketua-ketua gereja dalam kurun Masihi yang ketiga telah memutuskan: Injil Barnaba itu tidak boleh dipakai (diikut) oleh orang-orang Kristian. Pada akhir kurun Masihi yang kelima – sebelum kezahiran Nabī Muḥammad (S.A.W.) – seorang Pope di Bandar Rom telah menyatakan “haram” membaca beberapa kitab agama, diantaranya ialah Injil Barnaba.

Satu naskhah Injil yang tersebut, dalam bahasa Itali tua, telah dijumpai tersimpan dalam kutub khanah Vatican (di negeri Itali). Naskhah itu telah diambil secara gelap oleh seorang paderi Kristian bernama Mourinho, pada akhir kurun masihi yang keenam belas. Naskhah inilah yang disangka orang, masih tersimpan di kutub khanah bandar Vienna, dan naskhah inilah yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Pada tahun 1325 hijriyyah, naskhah bahasa Inggeris ini telah diterjemahkan pula ke dalam bahasa Arab oleh Dr. Khalīl bik² Sa‘ādah, seorang terpelajar tinggi bangsa Mesir, dan dicetak serta diterbitkan oleh “*al-Manār*” di Kaherah.

Ayat-ayat “Injil Barnaba” yang dipaparkan di sini diambil dari naskhah terjemahan bahasa Arab yang telah dipetik oleh al-‘Allāmah al-Sayyid Muhammad Rashid Rida dalam kitab tafsirnya “*al-Manār*” jilid ketujuh, dan

juga yang telah dipetik oleh al-‘Allāmah al-Shaykh Ṭantāwī Jawharī, dalam kitabnya “*al-Jawāhir*”.

Ayat-ayat Kenabian Nabī Muḥammad

Dalam Injil Barnaba fasal 72, antara lain ada disebutkan, (maksudnya): “Sesudah *al-Masīh* (*‘alayhi al-salām*) memberitahu kepada *Ḥawāriyy* (penolongnya), bahawa ia akan meninggalkan alam dunia ini, maka ketika itu menangislah sahabat-sahab Nabī ‘Īsā dan berkata: “Wahai guru! Mengapa tuan hendak meninggalkan kami, jika demikian, lebih baik kami mati daripada tuan tinggalkan.”

Nabī ‘Īsā berkata: “Janganlah hati kamu bimbang dan takut, kerana sesungguhnya aku ini bukan yang menjadikan kamu, tetapi Allah yang menjadikan kamu, Dia yang memelihara kamu. Adapun tentang ketentuan – tugas aku, sesungguhnya aku datang ini untuk menyediakan jalan bagi Rasulullah yang akan datang dengan membawa tugas keselamatan (juruselamat – P.) bagi alam dunia ini. Akan tetapi awaslah kamu, jangan kamu ditipu orang kerana sesungguhnya akan datang beberapa orang Nabī palsu, mereka mengambil perkataanku dan mengotorkan Injilku.”

Ketika itu Andrews berkata: “Hai guru! sebutkanlah bagi kami satu tanda supaya kami mengenal dia.”

Nabī ‘Īsā menjawab: “Sesungguhnya ia tidak akan datang pada masa kamu sekarang ini, tetapi ia akan datang kelak pada beberapa kurun kemudian, iaitu pada waktu Injilku itu dirosakkan orang, dan hampir

² Nama Dr. Khalīl Sa‘ādah tiada ba-kaf di tengah-tengahnya. Barangkali ia kesalahan ejaan bagi ‘bin’.

tidak didapati lagi tiga puluh orang yang beriman. Pada ketika itulah Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada alam ini, maka diutuslah seorang utusan-Nya, yang dinaungi awan, yang mengenal akan dia seorang yang dipilih oleh Allah, dan ia menampakkannya kepada seluruh alam dunia ini. Ia akan datang dengan membawa kekuatan yang besar bagi mengalahkan orang-orang yang berlaku derhaka, dan ia akan menghapuskan penyembahan berhala dari dunia ini. Sesungguhnya aku girang akan yang demikian, kerana dengan perantaraannya Allah akan dipermuliakan orang dan dia memperlihatkan kebenaran-Nya, dan dia juga akan memurkai orang-orang yang berkata (yang berkepercayaan) bahawa aku (‘Īsā) ini lebih besar dan lebih tinggi daripada manusia.

“Kebenaran, aku katakan kepadamu”, kata Nabī ‘Īsā lagi, “sesungguhnya manakala telah disaksikan orang akan hancur leburnya penyembahan berhala dari muka bumi ini, diketahuilah oleh orang banyak, bahawa sesungguhnya aku ini manusia seperti lain-lain manusia juga. Kebenaran, aku katakan kepadamu, sesungguhnya pada ketika itulah Nabī Allah itu akan datang.”

Dalam fasal yang ke-82 ada disebutkan antara lain seperti berikut:

“Kemudian ‘Īsā berpaling kepada seorang perempuan (dan berkata): Kamu golongan Sāmīrī meyembah apa yang tidak kamu ketahui, adapun kami golongan ‘Ibrānī, kami sujud dan kami bersembah bukti kepada Tuhan yang kami ketahui....”

Perempuan itu menjawab: “Sesungguhnya kami sedang menunggu “Messiah”, maka bilakah dia datang memberikan pengajaran kepada kami?”

Nabī ‘Īsā berkata: “Tahukah engkau, hai perempuan, bahawasanya “Messiah” itu tetap akan datang!”

“Benar, tuan”, sahut perempuan itu lagi.

Ketika itu Nabī ‘Īsā kelihatan gembira, lalu berkata: “Nampak bagiku, hai perempuan, sesungguhnya kamu seorang perempuan yang beriman. Jika demikian, maka ketahuilah olehmu, bahawa dengan beriman kepada “Messiah” itu selamatlah sekalian orang pilihan Allah. Jika demikian ketika itu wajiblah kita mengenal kedatangan Messiah!”

Perempuan itu berkata: “Barangkali tuanlah Messiah?”

Nabī ‘Īsā menjawab: “Sesungguhnya aku ini diutus kepada Banī Isrā’īl, sebagai Nabī juru

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah Kepada Tuhanmu!

Disusun oleh ‘Idrūs

Sebuah buku *serial* syarahan 2

yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

selamat, tetapi di belakangku akan datang seorang “Messiah” diutus oleh Allah untuk seluruh alam ini, yang kerananya Allah ciptakan alam ini, dan ketika itu Allah disembah orang di seluruh alam ini, dan diperoleh rahmat-Nya....”

Mendengarkan itu, perempuan tadi meninggalkan kendinya (labu airnya), lalu segera lari ke bandar hendak memberitahu akan segala apa yang telah didengarnya daripada Nabī ‘Īsā.

Selain daripada itu, dalam Injil Barnaba, fasal yang ke-96 ada disebutkan demikian: “Pada suatu hari setelah Nabī ‘Īsā selesai sembahyang, ada seorang ketua agama Yahudi berkata dengan suara yang kuat kepadanya, katanya: “Berhentilah dahulu, hai ‘Īsā, kerana wajiblah bagi kamu mengetahui siapakah kamu untuk mententeramkan umat kami?”

Nabī ‘Īsā berkata: “akulah ‘Īsā ibn Maryam dari keturunan Dāwud, seorang manusia biasa.... aku harap supaya kemuliaan dan kebesaran jangan diberikan melainkan kepada Allah jua.”

Ketua agama Yahudi itu berkata lagi: “Sesungguhnya ada tertulis di dalam kitab Nabī Mūsā: Bahawasanya Tuhan kami akan mengutus “Messiah” yang akan datang untuk memberitakan kepada kami apa-apa yang dikehendaki oleh Allah, dan dia akan datang ke alam ini dengan membawa rahmat Allah. Oleh itu, aku berharap kepadamu, sudi apalah kiranya menyatakan kebenaran kepada kami: Kamukah Messiah Allah yang kami sedang tunggu-tunggu itu?”

Nabī ‘Īsā menjawab: “Sebenarnya Allah telah menjanjikan yang demikian itu, tetapi aku ini bukan Messiah yang

ditunggu-tunggu itu. Sesungguhnya dia (Messiah) telah dijadikan sebelum aku dan akan datang kelak kemudian daripada aku.”

Ketua agama Yahudi itu berkata lagi:

“Sesungguhnya aku percaya akan perkataan kamu.... dan sesungguhnya kamu itu Nabī yang mempersucikan Allah (dari segala syirik). Oleh itu aku berharap kepadamu, atas nama segala umat Yahudi dan Isrā’īl, supaya kamu memberikan keterangan yang berguna bagi kami dengan kerana Allah, iaitu bagaimana tandanya yang menunjukkan kedatangan Messiah itu?”

Nabī ‘Īsā menjawab: “Demi Allah, yang diriku di dalam kekuasaan-Nya, sesungguhnya aku ini bukan Messiah yang ditunggu-tunggu oleh sekalian manusia di muka bumi ini, sebagaimana Allah Ta’ālā telah menjanjikan kepada bapa kita Ibrāhīm, katanya: Dengan keturunan engkau, Aku akan melimpahkan berkat atas sekalian manusia – di muka bumi ini.....”

Tatkala menjawab satu pertanyaan dari ketua agama Yahudi itu, Nabī ‘Īsā berkata: “.... Yang menggirangkan aku ialah akan datang seorang Rasul yang akan menghapuskan tiap-tiap fikiran dusta tentang diriku, dan agamanya akan menjalar ke seluruh alam ini kerana demikian itulah yang dijanjikan oleh Allah kepada bapa kita Ibrāhīm. Dan bahawasanya yang menggirangkan aku, ialah agamanya tidak akan berkesudahan, kerana Allah akan memeliharanya.”

Tatkala menjawab tentang nama “Messiah”, yang dinyatakan oleh ketua agama Yahudi itu, Nabī ‘Īsā berkata: “Sesungguhnya nama “Messiah” itu amat menghairankan

kerana Allah sendiri yang menamakannya tatkala menciptakan nama itu di satu tempat yang indah di langit.”

Lebih lanjut Nabī ‘Īsā berkata: “Allah berfirman sabarlah olehmu hai Muḥammad, kerana sesungguhnya kerana engkaulah Aku hendak menjadikan syurga dan alam dunia ini, dan sejumlah besar daripada makhluk yang Aku berikan kepadamu, sehingga siapa-siapa yang memberkati engkau, ia akan diberkati pula, dan siapa-siapa yang melaknati engkau, ia akan dilaknati. Dan apabila Aku mengutus engkau kepada dunia, Aku jadikan engkau utusan-Ku untuk memberi keselamatan, dan adalah kerana perkataanmu yang benar, langit dan bumi akan hancur, tetapi iman engkau tidak akan hancur selama-lamanya. Bahwasanya nama yang diberkati itu ialah Muḥammad.”

Pada ketika itu orang ramai mengangkat suara dengan serentak dan berkata: “Hai Tuhan kami! Utuslah oleh-Mu seorang utusan-Mu kepada kami! Hai Muḥammad, marilah segera datang untuk menyelamatkan alam dunia ini!

Dalam “Injil Barnaba” ini juga, fasal yang ke-124 ada disebutkan bahawa tatkala menjawab satu pertanyaan, Nabī ‘Īsā berkata: “Sesungguhnya “Messiah” itu tidak datang datang daripada keturunan Dāwud (tetapi) datangnya daripada keturunan Ismā‘īl, dan bahwasanya perjanjian yang telah dibuat ialah dengan Ismā‘īl bukan dengan Ishāq.”

Dalam fasal yang ke-163 ada disebutkan antara lain demikian: “Sekalian murid (pengikut-pengikut Nabī ‘Īsā) bertanya kepada Nabī ‘Īsā: “Wahai guru bilakah

wujudnya lelaki yang akan datang ke alam dunia ini, yang tuan katakan itu?”

Nabī ‘Īsā menjawab dengan gembiranya: “Orang yang aku katakan itu “*Rasūl Allāh*”, tatkala ia datang ke alam dunia ini, akan menjadilah ia orang tengah bagi amal perbuatan yang baik-baik, dan ia akan membawa rahmat yang banyak kepada manusia. Laksana air hujan dapat memberi buah-buahan di bumi, setelah putusnya hujan pada masa yang lama.”

Demikian keterangan-keterangan yang terkandung di dalam kitab “Injil Barnaba” mengenai Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*., sebagaimana yang telah disajikan di dalam majalah “*Aliran Islam*” oleh al-Ustādh Haji Munawer Khalil.

Kitab-kitab Mengenai Sembahyang

- | | |
|--|--------|
| 1. Ibadat Rasulullah (S.A.W.) | \$3.00 |
| tambah belanja <i>post</i> 20 sen. | |
| 2. Pelajaran Sembahyang (<i>Allāhu Akbar</i>) | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (<i>Allāhu Akbar</i>) mengenai: Imam, Makmum, <i>Masbūq</i> dan lain-lainnya | \$1.20 |
| 4. Mari Sembahyang (buat Lelaki) dari 2,3,4 dan 5 pesanan hendaklah | \$1.20 |
| 5. “ “ (buat Perempuan) | \$1.20 |
| Tambah belanja <i>post</i> 10 sen tiap-tiap naskhah. | |

Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari.